

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL  
AZIZ  
(RAUB)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapakah wang EPF telah digunakan untuk menyelesaikan tanggungan 1MDB. Sudahkah wang ini dibayar semula kepada EPF; dan
- (b) dari RM950 juta 'standby credit' yang disediakan oleh MOF, 1MDB telah memakai RM600 juta. Sudahkah 'standby credit' ini dibayar/pulangkan kepada MOF.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak pengurusan 1Malaysia Development Bhd (1MDB), tiada wang EPF pernah digunakan untuk menyelesaikan tanggungan hutang 1MDB.

Tuan Yang Dipertua,

1MDB telah menerima pinjaman jangka masa pendek sebanyak RM950 juta pada Mac 2015 dalam bentuk kredit tersedia (*standby credit*, dengan izin) daripada Kerajaan. 1MDB akan membuat pembayaran semula pinjaman tersebut mengikut terma-terma perjanjian yang telah ditetapkan.